



**SURAT PEKELILING
JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA
BIL. 2 TAHUN 2014**

Semua Pegawai Pengawal,

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN BELANJAWAN
TAHUN 2015 DAN 2016**

TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan menyediakan cadangan belanjawan tahun 2015 dan 2016.

DASAR DAN STRATEGI BELANJAWAN TAHUN 2015 DAN 2016

2. Ekonomi negara terus kekal cergas dengan peningkatan sebanyak 5.3 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar bagi tempoh sembilan (9) bulan pertama tahun 2012, setelah berkembang kukuh sebanyak 5.1 peratus pada tahun 2011. Prestasi yang memberangsangkan ini dicapai dalam persekitaran global yang tidak menentu. Perkembangan ini dipacu oleh pertumbuhan secara menyeluruh dalam semua sektor ekonomi dan didorong oleh permintaan domestik yang terus kukuh terutamanya perbelanjaan pelaburan.

3. Bagi tahun 2013, ekonomi Malaysia diunjur berkembang pada kadar antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus. Prospek yang lebih baik ini akan disokong oleh permintaan domestik yang terus kukuh dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi global yang lebih baik, terutamanya dalam tempoh separuh kedua tahun 2013.

4. Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan yang sama dengan Kerajaan Pusat dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara yang lebih kukuh. Antara pendekatan yang telah diambil ialah meneruskan amalan Bajet Lebihan bagi tahun 2015 dan 2016. Perancangan Bajet Lebihan amat penting bagi mencapai sasaran peningkatan kutipan hasil dan perbelanjaan berhemah di samping memperkuatkukan sistem pengesanan kutipan hasil semasa dan tunggakan hasil. Perancangan Bajet Lebihan juga akan memantapkan asas-asas ekonomi dan menyokong aktiviti sektor swasta dalam memainkan peranan sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negeri di samping bertujuan mencapai hasrat berikut:-

- 4.1 Pemantapan program pengurusan hasil dalam menjana hasil yang diperolehi di samping meneroka cara serta punca hasil baru Kerajaan Negeri;
- 4.2 Memperkuuh kedudukan kewangan negeri melalui perbelanjaan berhemah mengikut kemampuan dengan perbelanjaan kurang perlu diminimumkan dan keutamaan kepada bidang-bidang yang dapat menjana hasil yang tinggi;
- 4.3 Pertumbuhan ekonomi mampan yang berterusan;
- 4.4 Penggunaan sumber sediada secara efisyen;
- 4.5 Memantapkan sektor-sektor baru seperti teknologi pembuatan dan bio-teknologi;
- 4.6 Pembangunan sumber manusia untuk meningkatkan kecekapan, produktiviti dan akauntabiliti dalam Sektor Awam;
- 4.7 Meningkatkan infrastruktur dan kemudahan asas untuk menggalakkan sektor pelancongan dan pembuatan;
- 4.8 Menggalakkan pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT); dan
- 4.9 Meneruskan program sosial dan kesejahteraan rakyat dan penjagaan alam sekitar.

5. Di dalam usaha mencapai hasrat tersebut, beberapa pendekatan dan strategi perlu diutamakan oleh Pegawai Pengawal seperti berikut:-

- 5.1 Meningkatkan keupayaan dan kecekapan sistem pentadbiran untuk membantu sektor-sektor yang berkaitan;
- 5.2 Menyelaras dan mempertingkatkan kemudahan dan perkhidmatan sosial;
- 5.3 Memantapkan sumber hasil negeri. Di antaranya ialah:
 - i) Mempergiatkan kutipan hasil dan penguatkuasaan;
 - ii) Mengenalpasti sumber-sumber dan kadar hasil yang patut dipungut; dan
 - iii) Menyelenggara dan mengemaskini maklumat/sistem kutipan hasil yang lebih berkesan;

- 5.4 Memperkuuhkan lagi kedudukan kewangan negeri dengan cara:-
- i) Melaksanakan langkah-langkah berjimat cermat dan kawalan dalam yang lebih berkesan;
 - ii) Mengelakkan pembaziran sumber;
 - iii) Mengkaji semula dan mengubahsuai program aktiviti dengan memastikan hanya program aktiviti yang benar-benar menyumbang kepada pencapaian objektif jabatan secara cekap dan berkesan sahaja diberi keutamaan;
 - iv) Mengurangkan kos sesuatu program tanpa menjaskannya; dan
 - v) Meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan.

CADANGAN ANGGARAN HASIL 2015 Dan 2016

6. Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian yang serius dalam menyediakan Anggaran Hasil Tahun 2015 dan 2016. Jumlah anggaran hasil hendaklah seboleh-bolehnya tepat dan sebenarnya boleh dikutip. Untuk tujuan ini cadangan anggaran hasil hendaklah disediakan dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:-

- 6.1 Meneliti rekod prestasi kutipan hasil dua (2) tahun kebelakangan;
- 6.2 Perubahan dasar atau peraturan atau kadar; dan
- 6.3 Kemampuan mengutip tunggakan hasil.

7. Setiap butiran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan yang terperinci dengan memberi asas-asas yang tepat mengenai kadar, jumlah dan sebagainya yang menentukan jumlah setiap jenis hasil sepatutnya dipungut bagi satu-satu tahun.

8. Pegawai Pengawal/Pemungut hendaklah menyatakan keupayaan untuk memungut setiap jenis hasil bagi tahun semasa dan keupayaan untuk memungut tunggakan terkumpul tahun-tahun sebelumnya seperti berikut:-

- 8.1 Jumlah hasil bagi tiap-tiap jenis hasil yang sebenar dan sepatutnya dipungut bagi tahun 2013;
- 8.2 Anggaran bagi tiap-tiap jenis hasil yang boleh dipungut dalam tahun semasa (2014);
- 8.3 Jumlah tunggakan tiap-tiap jenis hasil yang terkumpul tahun sebelum yang boleh dipungut dalam tahun 2014.

9. Sekiranya cadangan anggaran hasil tahun 2015 dan 2016 mempunyai perbezaan pertambahan atau kurangan yang ketara dengan anggaran hasil tahun 2013 dan 2014, maka Pegawai Pengawal/Pemungut adalah diminta memberi sebab-sebab kenapa terdapatnya perbezaan dan perkiraan mengeninya disediakan.

PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN MENGURUS

10. Pegawai Pengawal diminta mengamalkan pengurusan kewangan berhemat di samping menyediakan cadangan perbelanjaan mengurus yang mengambil kira keperluan sebenar, keutamaan perbelanjaan dan kemampuan berbelanja Jabatan untuk mengelakkan pembaziran.

11. Formula pengiraan Batas Perbelanjaan bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:-

$$\text{Batas Perbelanjaan } 2014 = \text{Dasar Sedia Ada } 2013 + [\text{Dasar Baru } 2013 - \text{Peruntukan Aset}] - \text{Dasar Baru } 2012 \text{ Yang Tidak Dilaksanakan} + 2\% \text{ Kenaikan Untuk Emolumen}^*$$

* kenaikan 2% adalah untuk emolumen yang berdasarkan peruntukan emolumen (Objek Am 10000) tahun 2013.

12. Bagi tahun 2015, jabatan dikehendaki menyediakan Batas Perbelanjaan berpandukan formula pengiraan serta Batas Perbelanjaan 2014 dan cadangan Dasar Baru 2014. Dalam menyediakan Batas Perbelanjaan tersebut, Pegawai Pengawal diminta mengambil perhatian bahawa permohonan peruntukan bajet tahunan hendaklah tidak melebihi Batas Perbelanjaan yang telah ditetapkan.

13. Cadangan-cadangan Dasar Baru, One-Off, Cadangan Penjimatan dan Perjanjian Program serta lampiran-lampiran sampingan hendaklah dikemukakan untuk dua tahun. Dalam mengemukakan permohonan Dasar Baru, Pegawai Pengawal adalah diminta mengambil perhatian perkara-perkara berikut:-

- 13.1 permohonan Dasar Baru telah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) atau yang berkaitan sebelum permohonan peruntukan dikemukakan;
- 13.2 nilai *Threshold* ditolak daripada cadangan perbelanjaan Dasar Baru/One-Off; dan
- 13.3 Cadangan Penjimatan hendaklah dikemukakan sekiranya terdapat penjimatan kos hasil daripada pemansuhan atau pengecilan skop Dasar Sedia Ada atau perubahan proses.

PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

14. Tahun 2015 merupakan tahun kelima di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10). Kerajaan Negeri Melaka akan terus melaksanakan inisiatif ke arah mentranformasikan Negeri Melaka sebagai sebuah negeri maju fasa II dan merealisasikan hasrat untuk menjadi Negeri Bandar Teknologi Hijau. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan yang diluluskan digunakan dengan optimum supaya pelaksanaan projek berjalan lancar seperti yang dijadualkan. Agensi pelaksana perlu memastikan bahawa nilai wang (*value for money*) bagi setiap perbelanjaan yang dilakukan ke atas projek pembangunan menghasilkan output maksimum yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

15. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan yang dipohon telah mengambil kira keupayaan melaksana oleh semua pihak berkenaan berasaskan perancangan yang rapi serta keperluan aliran tunai sebenar bagi tahun tersebut. Bagi tujuan ini, jabatan dikehendaki menyediakan jadual kerja bagi setiap projek dengan menyenaraikan semua aktiviti dan tempoh siap serta peruntukan kewangan yang diperlukan untuk setiap peringkat aktiviti. Pemantauan secara berkala ke atas projek-projek yang telah diluluskan harus dilaksanakan bagi memastikan setiap projek yang dirancang dapat disiapkan mengikut tempoh masa dan kos yang telah ditetapkan.

16. Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan peruntukan *token* pada tahun 2015 bagi projek-projek yang pelaksanaan fizikalnya dirancang bermula pada tahun 2016 untuk membantu kerja-kerja awalan projek seperti pengambilan balik tanah, kajian kesesuaian tanah, kajian kemungkinan serta urusan dokumentasi tender. Tindakan ini bertujuan supaya projek dapat dilaksanakan dengan lebih licin dan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

PERJAWATAN

17. Kerajaan Negeri Melaka akan memastikan jumlah perjawatan dalam perkhidmatan awam terus terkawal bagi memastikan jabatan Kerajaan mempunyai saiz yang bersesuaian dengan tugas dan fungsi yang perlu dilaksanakan. Di dalam menimbang penyusunan semula struktur organisasi dan pengukuhan perjawatan, Kerajaan Negeri akan terus berpandukan kepada dasar-dasar sedia ada seperti menggalakkan pertumbuhan ekonomi mapan, meningkatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan, dan meningkatkan aktiviti pembangunan sosial.

18. Sebelum permohonan penyusunan semula struktur organisasi dan pengukuhan perjawatan dikemukakan, semua Pegawai Pengawal dikehendaki menilai semula sistem dan proses kerja masing-masing dengan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan, mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan

pembangunan, meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi serta memastikan tenaga manusia digunakan secara optimum.

PENYEDIAAN CADANGAN BELANJAWAN 2015 dan 2016

19. Penyediaan cadangan perbelanjaan hendaklah mengikut format borang dan peraturan berikut:-

- 19.1 Format Cadangan Perbelanjaan Mengurus Bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti di **Lampiran A**;
- 19.2 Format Cadangan Perbelanjaan Pembangunan seperti di **Lampiran B**;
- 19.3 Format Maklumat Bagi Badan Berkanun dan Agensi Yang Mengamalkan Sistem Perakaunan Perdagangan (PDG) seperti di **Lampiran C**;
- 19.4 cadangan perbelanjaan 2015 dan 2016 hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 31 Mac, 2014 mengikut kalendar seperti di **Lampiran D**; dan
- 19.5 bilangan naskhah dokumen yang diperlukan seperti di **Lampiran E**.

20. Di samping mengemukakan cadangan perbelanjaan dalam bentuk dokumen, jabatan adalah diminta mengemukakan *softcopy* dalam bentuk disket dengan menggunakan perisian *MS-Excel* bagi format-format ABM-7 dan format ABP 1 kepada Bahagian Belanjawan dan Pinjaman, Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri.

LAPORAN BAJET PROGRAM DAN PRESTASI

21. Pegawai Pengawal dikehendaki mengemukakan Laporan Bajet Program dan Prestasi tahunan sebaik sahaja cadangan belanjawan tahunan disediakan. Laporan ini hendaklah dihantar kepada Bahagian Belanjawan dan Pinjaman, Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri sebelum 30 April, 2014 untuk anggaran belanjawan 2015 dan 30 April, 2015 untuk anggaran belanjawan 2016. Penerangan terperinci mengenai cara-cara serta format penyediaan Laporan Bajet Program dan Prestasi adalah seperti di **Lampiran F**.

22. Semasa menyediakan laporan, Pegawai Pengawal adalah dikehendaki mengambil perhatian terhadap sebarang perubahan ke atas struktur Program dan Aktiviti yang diluluskan.

PEMERIKSAAN BELANJAWAN TAHUN 2015 DAN 2016

23. Pemeriksaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Cadangan Anggaran Hasil dengan Jabatan-jabatan oleh Pegawai Kewangan Negeri akan diadakan mulai **April 2014** mengikut jadual seperti di **Lampiran G. Pegawai Pengawal sendiri dikehendaki hadir dengan dibantu oleh Pegawai-pegawai yang terlibat** secara langsung dengan pengurusan kewangan Jabatan serta membawa dokumen-dokumen seperti berikut:-

- 23.1 Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2015 dan 2016;**
- 23.2 Cadangan Anggaran Hasil Tahun 2015 dan 2016;**
- 23.3 Buku Vot Tahun 2012 dan 2013;**
- 23.4 Senarai Inventori Jabatan; dan**
- 23.5 Surat/Dokumen lain yang menyokong permohonan peruntukan dalam Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2015 dan 2016.**

PENUTUP

24. Dalam menyediakan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2015 dan 2016, Pegawai Pengawal yang memerlukan maklumat lanjut atau bantuan bolehlah menghubungi Jabatan Kewangan dan Perpendaharaan Negeri. Surat Pekeliling ini dan format penyediaan Bajet 2015 dan 2016 boleh dimuat turun melalui laman web di alamat <http://www.jkpn.melaka.gov.my>.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

'MELAWAT MELAKA BERSEJARAH BERERTI MELAWAT MALAYSIA'

Saya yang menurut perintah,

(DATUK ZAINAL BIN HUSSIN)

YB Pegawai Kewangan Negeri,

MELAKA.

5 Februari, 2014

s.k.:

1. YB Setiausaha Kerajaan Negeri,
MELAKA.
2. Pengarah
Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Melaka,
MELAKA.